

10 JULAI 2018

Seorang lelaki ditahan, 1.8kg dadah dirampas

Seorang lelaki ditahan, 1.8kg dadah dirampas

TELUK INTAN - Polis menahan seorang lelaki dan merampas 1.8 kilogram dadah bernilai RM61,000 dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Sri Bernam, Hutan Melintang di sini pada 3 Julai lalu.

Serbuan pada pukul 2 petang itu dijalankan oleh sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hilir Perak.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Mohd. Marzukhi Mohd. Mokhtar berkata, pihaknya menahan seorang lelaki berusia 30-an yang tinggal bersendirian di rumah tersebut.

Katanya, pemeriksaan di lokasi kejadian berjaya menemui 19 paket plastik lutsinar disyaki berisi dadah heroin seberat 1,704.79 gram(g) dan 11 paket berisi dadah jenis syabu seberat 100.51g.

“Ketika serbuan dijalankan, lelaki terbabit sedang berehat. Siasatan mendapati suspek terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah sejak beberapa bulan lalu.

“Suspek mempunyai satu rekod jenayah lampau bersabit kes dadah dan ujian saringan air kencing mendapati dia positif dadah jenis syabu,” katanya di sini semalam.

Suspek kini ditahan teman selama seminggu sehingga semalam dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati.

ANTARA dadah jenis heroin dan syabu yang dirampas daripada seorang lelaki dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Sri Bernam, Hutan Melintang di Teluk Intan pada 3 Julai lalu.

